

# Aplikasi maksiat

Garret Dawum

garret@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

**K**ewujudan aplikasi gay yang boleh di-muat turun secara mudah dan percuma menerusi telefon serta tablet pintar menyumbang kepada peningkatan aktiviti songsang.

Pakar Kaunseling Keluarga dan Perkahwinan Universiti Putra Malaysia (UPM) Profesor Madya Dr Siti Aishah Hassan mengakui aplikasi itu ada berdasarkan kepada makluman daripada individu yang mendapatkan khidmat kaunselingnya.

“Memang aplikasi itu wujud, tetapi saya sendiri belum menelitinya. Apa yang dimaklumkan oleh klien, aplikasi itu menjadi pengantara untuk mereka mencari teman sejenis menerusi ling-



Tanda tanya penduduk mengenai kehadiran ramai lelaki di sebuah apartmen terjejak selepas serbuan pihak berkuasa agama menemui sebuah apartmen mereka dalam keadaan bogel dipercayai terabit dalam aktiviti seks songsang. Seramai 16 termasuk 13 lelaki Islam ditahan dalam acara eksklusif atas jemputan peribadi dengan sejumlah bayaran.

LAPORAN Metro Ahad, semalam.

kungan jarak yang diingini.

“Bagi saya, kewujudan aplikasi itu akan menggalakkan aktiviti songsang secara berleluasa, malah mereka yang terabit akan menjadi semakin berani melakukannya,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Semakan Harian Metro di App Stor dan Play Store mendapati jumlah aplikasi itu melebihi 10 serta dimiliki syarikat antarabangsa digu-

nakan oleh golongan lelaki yang ingin mencari teman sejenis.

Metro Ahad menerusi laporan muka depannya semalam melaporkan sekumpulan lelaki yang leka berhibur dalam keadaan bogel dipercayai pesta gay ditahan Jabatan Agama Islam Selangor di sebuah apartmen dua tingkat di Bandar Baru Bangi, Selangor, Jumaat lalu.

Dalam kalangan 16 lelaki

terabit, 13 daripadanya didapati beragama Islam.

Siti Aishah yang juga pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan UPM berkata, beliau sedang giat menjalankan Bengkel Pembinaan Pasukan Sukarelawan bagi menangani isu Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender (LGBT).

“Bengkel ini antara lain memberi pendedahan dan maklumat kepada peserta mengenai pengertian LGBT, simptom dan pendekatan terbaik bagi membendung penularan budaya rosak ini.

“Malah ia juga bertujuan melatih kemahiran menangani kes yang berlaku dalam komuniti terabit.

“Apa yang membimbangkan jumlah LGBT di negara ini semakin meningkat tetapi langkah pemulihan kurang sedangkan perkara itu perlu dirawat segera,” katanya.